

SOALAN 1 : RUMUSAN

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

Isi - **20** markah

Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18-20 15-17	9-10 7-9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/ tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ ejaan betul
Sederhana	12-14 8-11	6-7 4-6	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1-7	1-4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iii) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

Pendahuluan

	Markah
P1 Petikan membincangkan usaha-usaha/ cara-cara/ kaedah-kaedah/ pendekatan/ strategi memartabatkan seni tekak dalam kalangan masyarakat.	2
P2 Petikan membincangkan usaha-usaha/ cara-cara/ kaedah-kaedah/ pendekatan/ strategi memartabatkan seni tekak dan alasan seni tekak semakin dilupakan	2
P3 Rumusan membincangkan membincangkan usaha-usaha/ cara-cara/ kaedah-kaedah/ pendekatan/ strategi memartabatkan seni tekak dan kekangannya.	2
P4 Petikan membincangkan membincangkan usaha-usaha/ cara-cara/ kaedah-kaedah/ pendekatan/ strategi memartabatkan seni tekak	1
P5 Petikan/ Rumusan membincangkan langkah-langkah memartabatkan seni tekak.	0

Isi-isi Tersurat (Langkah-Langkah Memartabatkan Seni Tekat)

	Markah
S1 Persatuan Pembuatan Kraf dan Sulaman Tangan Selangor (Scheme), bekerjasama membina jaringan dalam kalangan pembuatan kraf	2
S2 Persatuan Pembuatan Kraf dan Sulaman Tangan Selangor (Scheme) perlu menganjurkan bengkel kepada generasi muda	2
S3 Perbadanan Pelancongan Malaysia perlu mencari medium terbaik bagi memasarkan hasil sulaman seni tekak	2
S4 hasil gubahan seni tekak boleh juga dipamerkan kepada masyarakat	2
S5 segelintir masyarakat dan penenun yang masih aktif telah memberi nafas baharu terhadap hasil seni ini.	2
S6 Penenun menggunakan idea yang kreatif.	2
S7 Penenun perlu mengilhamkan rekaan yang eksklusif	2
S8 Olahan seni ini boleh dipelbagaikan mengikut cita rasa	2
S9 Keunikan seni tekak juga boleh ditonjolkan menerusi rangkaian aksesori atau beg tangan.	2

Isi-isi Tersirat (Kekangan memartabatkan seni tekak)

	Markah
T1 Tenaga pakar untuk mengajar seni tekak tidak ramai.	2
T2 Pengguna lebih memilih corak cetakan mesin berbanding sulaman.	2
T3 Harga corak cetakan mesin lebih murah	2
T4 Golongan remaja menganggap seni tekak ketinggalan zaman.	2
T5 Masyarakat tidak lagi menggunakan seni tekak dalam upacara penting.	2
T6 Kempen penggunaan seni tekak tidak diperluas.	2
T7 Kurang mendapat sambutan ramai	2

Penutup (Cadangan dan Harapan)

	Markah
Kesimpulannya/tuntasnya/konklusinya, semua pihak perlu berganding bahu/ bekerjasama memartabatkan seni tekak agar/supaya seni tekak ini akan kekal sepanjang zaman/ warisan ini kekal sepanjang zaman.	2
Kesimpulannya/tuntasnya/konklusinya, semua pihak perlu berganding bahu/ bekerjasama memartabatkan seni tekak agar/supaya negara akan maju	1
Kesimpulannya/tuntasnya/konklusinya, semua pihak perlu berganding bahu/ bekerjasama memartabatkan seni tekak	1

SOALAN 2 : PEMAHAMAN

- Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada :
 - Soalan 2(a) : Pemahaman petikan umum - 9 markah
 - Soalan 2(b) : Pemahaman prosa moden (cerpen atau drama) - 9 markah
 - Soalan 2(c) : Pemahaman prosa tradisional - 8 markah
 - Soalan 2(d) : Pemahaman puisi - 9 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (**50 %**) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah: 2 isi diperlukan
 - Soalan 2a(i) – maksud rangkai kata
 - Soalan 2b(i) - maksud rangkai kata / situasi dalam petikan
 - Soalan 2c(i) - maksud rangkai kata / situasi dalam petikan
 - Soalan 2d(i) - maksud rangkai kata / situasi dalam petikan

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah: 2 isi diperlukan
 - Soalan 2a(ii) – jawapan dari dalam petikan
 - Soalan 2b(ii) – soalan KBKK
 - Soalan 2c(ii) - situasi dalam petikan
 - Soalan 2c(iii) – soalan KBKK
 - Soalan 2d(ii) - soalan KBK

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
-Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
-Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah : 3 isi diperlukan
 - Soalan 2a(iii) - soalan KBKK
 - Soalan 2b(iii) - soalan analisis KOMSAS
 - Soalan 2d(iii) - soalan analisis KOMSAS

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
-Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
-Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
-Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

(i) *segelintir masyarakat.*

	Markah
P1 Sebahagian/ sebilangan/ sesetengah komuniti/ orang ramai	2
P2 Sebahagian/ sebilangan/ sesetengah masyarakat	1
P3 Segelintir komuniti/ orang ramai	1

(ii) **Alasan-alasan:**

P1 Digunakan untuk istiadat dan upacara tertentu sahaja	1
P2 Pakaian yang dihias dengan seni tekat ini merupakan pakaian kebesaran bagi kerabat diraja	1
P3 Penggunaannya dalam kalangan masyarakat biasa agak terbatas kerana bahan asasnya merupakan bahan mewah.	1
P4 Penghasilan seni tekat juga memerlukan waktu yang lama dan memerlukan penjagaan yang rapi.	1

[Maksimum : 3markah]
[isi cukup:2 isi]

(iii) **Mengapa generasi muda perlu mempertahankan seni warisa bangsa:**

P1 Supaya generasi muda dapat mewarisi kehalusan seni tekat.	1
P2 Melambangkan identiti sesebuah negara	1
P3 Mencerminkan Budi Pekerti Masyarakat Malaysia	1
P4 Menarik minat pelancong luar	1
P5 Mengekalkan kesinambungan	1

[Pendapat yang sesuai boleh
diterima] [Maksimum : 4markah]
[isi cukup:3 isi]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden – Jacket Kulit Kijang dari Istanbul

- (i) Berdasarkan petikan di atas, aku dan rakan-rakannya terpaksa berhadapan dengan masalah ketika mereka ingin membeli barang.
Kemukakan masalah tersebut.

[2 markah]

Masalah tersebut ialah:

	Isi	Markah
P1	agak sukar menawar harga barangan yang ingin dibeli	1
P2	Tiada tanda harga dipamerkan	1
P3	Harga disebut hanya kepada sesiapa yang bertanya	1
P4	Perbezaan harga terlalu ketara	1

[Maksimum: 2 markah]

[isi cukup : 2 isi]

- (ii) Pengguna bijak akan membeli barangan berkualiti, membuat perbandingan harga dan membuat pilihan yang tepat.

Pada pendapat anda, bagaimanakah pengguna boleh membuktikan bahawa mereka tergolong dalam golongan pengguna yang bijak berbelanja.

[3 markah]

Pengguna boleh membuktikan bahawa mereka tergolong dalam golongan pengguna yang bijak berbelanja dengan cara:

	Isi	Markah
P1	Membuat senarai barangan yang ingin dibeli sebelum berbelanja	1
P2	Membandingkan harga barangan yang ingin dibeli sebelum membeli	1
P3	Membeli bahan yang tidak mudah rosak secara pukal.	1
P3	Membeli barangan mengikut keperluan bukannya mengikut nafsu	1
P4	Mengamalkan amalan berjimat cermat ketika berbelanja	1
P5	Mengelakkan diri daripada membeli barangan berjenama sahaja	1
P6	Membeli barangan yang ada promosi	1
P7	Masak makanan dan makan di rumah	1
P8	Mengelakkan diri berbelanja dengan menggunakan kad kredit	1

[Maksimum: 3 markah]

[isi cukup : 2 isi]

- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

Satu pengajaran yang terdapat dalam petikan ialah:

	Isi	Markah
P1	Kita hendaklah membuat perbandingan harga sesuatu barangan yang hendak dibeli sebelum membelinya / agar dapat mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan oleh peniaga.	[1+1]
P2	Kita hendaklah mengamalkan sikap ramah mesra terhadap pelanggan yang berkunjung ke kedai kita / agar pelanggan berasa diri mereka dihargai dan dihormati.	[1+1]

Pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan ialah:

		Markah
K1	Kita haruslah mengamalkan sikap berjimat cermat ketika berbelanja keperluan harian atau ketika melancong ke luar negara / agar dapat berbelanja secara berhemah.	[1+1]
K2	Kita hendaklah prihatin terhadap isu kepupusan haiwan seperti kijang / agar spesies haiwan ini dapat terus hidup di bumi ini.	[1+1]
K3	Kita hendaklah sentiasa bersikap ikhlas ketika membantu orang lain / tanpa mengambil kira taraf hidup seseorang itu.	[1+1]
K4	Kita hendaklah bersikap gigih dalam melakukan pekerjaan / supaya hasil yang diinginkan tercapai.	[1+1]
K5	Kita hendaklah sentiasa berwaspada dan berhati-hati ketika berada di luar negara / agar keselamatan diri sentiasa terjamin	[1+1]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

i.	Maksud <i>demikian fiil tuan</i>	Markah
	P1 <i>begini / begitu / seperti ini / seperti itu sikap / perangai / tingkah laku awak / kamu / anda / engkau</i>	2
	P2 <i>demikian sikap / perangai / tingkah laku awak / kamu / anda / engkau</i>	1
	P3 <i>begini / begitu / seperti ini / seperti itu fiil awak / kamu / anda / engkau</i>	1
	P4 <i>begini / begitu / seperti ini / seperti itu sikap / perangai / tingkah laku tuan</i>	1

- ii. Pesanan Tun Perak kepada Seri Amerta:

Markah

P1	sentiasa membawa pedangnya bersama-sama / tuan hamba dengan pedang tuan hamba	1
P2	menjaga pedangnya dengan baik / hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan	1
P3	jangan biarkan pedangnya berkarat / jangan diberi berkarat	1
P4	jangan kemakanan matanya	1

[Maksimum: 3 markah]

[isi cukup : 2 isi]

iii Peranan kaum wanita semasa peperangan berlaku: **Markah**

- | | |
|---|---|
| P1 Menjaga dan memastikan anak-anak sentiasa selamat | 1 |
| P2 Menjaga rumah dan harta benda dengan baik | 1 |
| P3 Membantu menyediakan makanan dan minuman untuk kaum lelaki yang Berperang | 1 |
| P4 Membantu merawat askar yang tercedera | 1 |
| P5 Memberikan sokongan moral kepada suami dan ahli keluarga yang terlibat dengan peperangan | 1 |
- (terima mana-mana jawapan yang bersesuaian)**

**[Maksimum: 3 markah]
[isi cukup : 2 isi]**

Soalan 2 (d) – Puisi moden : Sajak Erti Hidup Bererti

- i. Doa yang dipanjatkan oleh penyajak terhadap anak-anaknya: **Markah**
- | | |
|---|---|
| P1 Semoga disirami benih keinsafan | 1 |
| P2 Ada penawar dalam hati mereka | 1 |
| P3 Rasa cinta akan mengatasi perasaan dingin. | 1 |

**[Maksimum: 2 markah]
[isi cukup : 2 isi]**

iv. Cara membalas jasa ibu bapa **Markah**

- | | |
|---|---|
| P1 Mendengar dan mengamalkan nasihat ibu bapa | 1 |
| P2 Belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan dan membanggakan ibu bapa | 1 |
| P3 Menjaga adab dan budi pekerti untuk menjaga nama baik ibu bapa | 1 |
| P4 Menjaga ibu bapa semasa mereka telah tua | 1 |
| P5 Menggembirakan hati ibu bapa – membawa mereka melancong dsb | 1 |
| P6 Menyediakan dan melengkapkan segala keperluan ibu bapa | 1 |
| P7 Sentiasa mendoakan kesejahteraan ibu bapa | 1 |

**[Maksimum:3markah]
[isi cukup : 2 isi]**

- v. Dua nilai yang terdapat dalam sajak **Markah**
- | | |
|---|-----|
| P1 Nilai ketabahan
*Contohnya, penyajak tabah walaupun diabaikan anak-anak dan selalu berasa sunyi tinggal seorang diri | 1+1 |
| P2 Nilai kasih sayang
*Contohnya, penyajak masih sangat menyayangi anak-anaknya walaupun tidak dihargai dan dipedulikan oleh mereka | 1+1 |
| P3 Nilai bertan ggungjawab
*Contohnya, sebagai seorang ibu, penyajak bertanggungjawab untuk mendoakan anak-anaknya semoga diberikan keinsafan atas kesilapan mereka. | 1+1 |
| P4 Nilai keinsafan | |

*Contohnya, penyajak insaf dan sedar bahawa kehidupan di dunia ini tidak akan kekal kecuali Tuhan.

1+1

[maksimum : 4markah]

Soalan 3: - Pengetahuan dan kemahiran bahasa

(a) Panduan pemberian markah:

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan markah bagi soalan 3(a).
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika calon memberikan makna perkataan dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. **Ayat tidak jelas - tolak ½ markah setiap ayat.**
10. **Ayat tidak membawa maksud calon memahami kata yang diberi, berikan 0 markah.**
11. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

Bil	Perkataan	Maksud kata
(i)	berselerak	tidak diatur dgn baik; bersepah-sepah; tersebar di mana-mana: Barang-barang permainannya ~ di bilik makan
(ii)	berserabut	1 ada serabutnya. 2 berbulu-bulu atau berambu-rambu pd bahagian tepinya (bkn tali, benang dll). 3 ki tidak menentu fikirannya; kucar-kacir; kelam-kabut.
(iii)	bergemuruh	berbunyi dgn kuat serta menderu-deru; berbunyi spt guruh
(iv)	menjelajah	pergi mengelilingi sesuatu tempat (utk menyelidik, makan angin dll); melancong; mengembara: Ia telah ~ ke seluruh benua Asia.
(v)	menggeletar	bergerak-gerak anggota badannya kerana kesejukan atau ketakutan; terketar-ketar; mengigil: Apabila mendengar kata-kata pegawai polis itu, maka penyeludup itu pun terperanjat, ~ badannya kerana takut.
(vi)	menggelabah	berada dlm keadaan tidak tentu arah, berasa resah gelisah: ramai yg ~ menunggu arahan utk membayar cukai yg telah ditentukan

(b) Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya

Bil	Ayat Aktif	Ayat Pasif
(i)	<i>Ketua Taman Desa Mawar menulis surat aduan tentang masalah anjing liar kepada pihak Majlis Daerah Kuala Selangor.</i>	<i>Surat aduan tentang masalah anjing liar telah ditulis oleh Ketua Taman Desa Mawar kepada pihak Majlis Daerah Kuala Selangor.</i>
(ii)	<i>Sebelum mendirikan Solat Asar, beberapa orang murid tahfiz telah menyusun kasut-kasut yang bersepah di pintu masuk masjid.</i>	<i>Kasut-kasut yang bersepah di pintu masuk masjid telah disusun oleh murid-murid tahfiz sebelum mendirikan Solat Asar.</i>
(iii)	<i>Kami menikmati pelbagai jenis hidangan makanan Siam ketika berkunjung di salah satu kedai makan di Hatyai.</i>	<i>Pelbagai jenis hidangan makanan Siam kami nikmati ketika berkunjung di salah satu kedai makan di Hatyai.</i>

- (c) Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Pada peringkat yang lebih atas dan lebih berotoriti, sudah pun ada kedengaran bahawa permasalahan tersebut akan diberikan perhatian segera dan menyeluruh, apatah lagi setelah Menteri Pendidikan, membuat kenyataan akbar bahawa isu berkenaan memerluan penyelesaian bijaksana. Kementerian Pendidikan menyahut kenyataan tersebut dengan segera turun padang mengikut prosedur pengendalian standard atau rukun tindakan yang telah sediaada, seperti menghantar pegawai untuk dijumpakan dengan guru dan menyantuni keluarga pelajar tersebut.

[6 markah]

Bil	Kesalahan ejaan	Pembetulan	Kesalahan Imbuhan	Pembetulan
(i)	<i>berotoriti</i>	<i>berautoriti</i>	<i>diberikan</i>	<i>diberi</i>
(ii)	<i>akbar</i>	<i>akhbar</i>	<i>memerluan</i>	<i>memerlukan</i>
(iii)	<i>sediaada</i>	<i>sedia ada</i>	<i>dijumpakan</i>	<i>berjumpa</i>

- (d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Permainan tradisional semakin dilupuskan, namun masih terdapat prakarsa untuk terus melestarikan, sekaligus mengembalikan nostalgia atau dikaitkan dengan simbol warisan budaya.
- (ii) Media perlu mengambil langkah utama untuk merakyatkan pelbagai tokoh-tokoh remaja yang dapat membimbing remaja lain untuk berjaya.
- (iii) Aktiviti pembelajaran di bilik darjah hendaklah guru rancang dengan mengutamakan inovasi dan kemahiran kritis oleh pelajar sendiri bagi mencapai tujuan dan objektif pembelajaran.

Bil	Kesalahan kata atau istilah	Pembetulan	Kesalahan tatabahasa	Pembetulan
(i)	<i>dilupuskan</i>	<i>dilupakan, diabaikan, ditinggalkan</i>	<i>sekaligus</i>	<i>sekali gus</i>
(ii)	<i>langkah</i>	<i>peranan, tugas, tanggungjawab</i>	<i>pelbagai tokoh- tokoh</i>	<i>pelbagai tokoh, Tokoh-tokoh</i>
(iii)	<i>inovasi</i>	<i>kreativiti, kekreatifan</i>	<i>guru rancang</i>	<i>dirancang oleh guru, dirancang guru</i>

(e) Baca dialog di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

Dato' Reezal: Wah, Cantik sungguh set sofa berasaskan kayu di kedai kamu ini, Yusof! Rekaan kamu yang menggabungkan ukiran kayu yang bermotifkan awan larat ini menjadikan sofa ini kelihatan unik dan klasik. Peribahasa, _____ me
mbuktikan bahawa kamu memang seorang pereka yang cinta akan budaya Melayu.

Yusof: Betul tu, Dato' Reezal dalam dunia perniagaan ini, kita tidak boleh membuang adat dan budaya yang menjadi jati diri sesuatu bangsa. Janganlah kita terlalu mengagung-agungkan budaya luar hingga budaya bangsa sendiri terabai, ibarat _____.
Mana-mana yang mendatangkan faedah, harus kita pelihara dengan sebaik-baiknya.

Dato' Reezal: Saya berasa bangga dengan semangat anak muda seperti kamu ini. Dalam dunia perniagaan, memang banyak cabarannya. _____
Hadapilah cabaran tersebut dan sentiasa bersikap berani untuk berhadapan dengan sebarang kegagalan.

Bil	Peribahasa
(i)	- Yang lama dikelek, yang baharu didukung - Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
(ii)	- Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran.
(iii)	- Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai

Soalan 4 : Novel

(a) Penggunaan pelbagai jenis teknik plot dalam sesebuah novel memainkan peranan dalam memastikan jalan cerita yang menarik.

Huraikan **dua** peristiwa yang menggunakan **teknik imbas kembali** dalam **sebuah** novel yang anda pelajari.

[7 markah]

- i. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang di pelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- iii. Berikan 2 markah untuk setiap peristiwa betul yang dihuraikan.
- iv. Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagisetiap peristiwa).
- v. Markah bahasa maksimum 3 markah.
- vi. Markah bahasa diberi secara *impression*

Baik : 3 markah

Sederhana : 2 markah

Lemah : 1 markah

- vii. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- viii. Calon memberikan jawapan peristiwa yang betul, tetapi sangat ringkas, berikan 1m isi sahaja.
- ix. Jika calon tidak menjawab, 0m.

Skema jawapan Soalan 4a

Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. Adnan teringat akan janji Pak Saidi untuk membelikan sebuah basikal untuknya jika dia telah selamat berkhatah semasa Tok Mudim menenangkannya. Hal ini menyebabkan Adnan berani melalui proses tersebut.
 2. Sofia menerima berita kematian suaminya dengan kesedihan. Sofia terkenang kembali senyuman suaminya Adnan semasa menghantarnya pulang ke kampung, dan janji suaminya yang akan setia kepadanya sehingga akhir hayatnya.
 3. Setelah sihat semula daripada kecederaan semasa peperangan, Koperal Yaakub menceritakan kepada orang-orang kampung tentang kekejaman askar Jepun yang menyiksa Leftenan Adnan yang cedera parah dengan menggantungnya secara terbalik pada pokok ceri dan ditikam bertubi-tubi dengan bayonet sehingga mati.
- **peristiwa lain yang bersesuaian dan betul boleh diterima.**

Tirani

1. Waheeda terkenang akan peristiwa dia sering diejek-ejek oleh kawan-kawannya kerana wajahnya yang tidak cantik dan berhidung pesek, semasa zaman persekolahan.
 2. Waheeda teringat kembali peristiwa dia melakukan ujian DNA semata-mata untuk membuktikan kepada Zahid bahawa Izzati sememangnya darah daging Zahid dan bukannya anak hasil kecurangannya seperti tuduhan Zahid.
 3. Zahid menceritakan peristiwa dia tidak mahu melihat keputusan ujian DNA yang dilakukan oleh Waheeda hanya kerana sikapnya yang panas baran dan egonya yang tinggi kepada sahabatnya Aiman semasa mereka bertemu sekembalinya Zahid dari Los Angeles. Zahid sanggup meninggalkan isteri dan anaknya hanya kerana sikap cemburu butanya.
 4. Aiman, sahabat Zahid mengenang kembali sikap Zahid semasa zaman bujangnya yang kaki perempuan dan menjadi rebutan ramai gadis kerana memiliki wajah yang kacak seperti hero hindustan, tetapi akhirnya mengakhiri zaman bujangnya dengan mengahwini Waheeda yang merupakan Ratu Pelancongan ASEAN pada masa itu.
- **peristiwa lain yang bersesuaian boleh diterima dengan alasan yang betul.**

- (b) Pengarang sesebuah novel menggunakan pelbagai latar peristiwa untuk menggarap dan membina plot dalam karyanya.

Jelaskan **dua latar masyarakat yang sama** yang terdapat dalam **kedua-dua** buah novel yang anda kaji.

[8 markah]

- i. Jawapan berdasarkan **dua buah novel** yang dipelajari dalam tingkatan 4 dan 5.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- i. Beri 2 markah bagi setiap latar masyarakat yang sama dan betul, 1 latar masyarakat diperlukan.
- ii. Beri 2 markah bagi setiap contoh peristiwa yang betul bersesuaian dengan latar masyarakat yang diberi mengikut novel tingkatan 4 dan tingkatan 5.
- iii. Latar masyarakat dan huraian/contoh peristiwa mestilah betul kedua-duanya. Jika latar masyarakat sahaja yang betul, beri 1 markah. Jika latar masyarakat salah tetapi huraian/contoh peristiwa betul 0 markah.
- vi. Markah isi maksimum 6 (1 markah bagi latar tempat dan 2 markah bagi huraian/contoh yang betul – 3 markah bagi setiap novel)
- vii. Markah bahasa maksimum 2m
- vi. Markah bahasa diberi secara *impression*
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- ix. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- x. Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 7 markah]

Skema jawapan Soalan 4b

- (a) Latar masyarakat dalam novel.
4. Masyarakat yang gigih untuk mencapai kejayaan dalam hidup
 - Leftenan Adnan Wira Bangsa:
Adnan gigih dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-citanya menjadi seorang tentera. Dia sanggup menumpang lori sayur ke Port Dickson untuk menghadiri temu duga sebagai seorang askar.
 - Tirani:
Waheeda gigih berusaha dan bekerja kuat untuk memastikan chalet Tajau Emas kepunyaan keluarganya menjadi pilihan pelancong.
 2. Masyarakat yang tabah menghadapi dugaan hidup
 - Leftenan Adnan Wira Bangsa:
Walaupun sedih, Sofia tetap tabah menerima berita tentang kematian suaminya Adnan.
 - Tirani:
Waheeda tabah meneruskan kehidupannya membesarkan anaknya seorang diri setelah ditinggalkan oleh suaminya Zahid yang cemburu buta.

- vi. Masyarakat yang penyayang
- Leftenan Adnan Wira Bangsa:
Adnan sangat menyayangi isteri dan anak-anaknya, dan tidak mahu mereka diancam bahaya. Adnan sanggup berjauhan dengan keluarganya dengan menghantar mereka pulang ke kampung semasa Jepun mahu menyerang Tanah Melayu bagi memastikan mereka selamat.
 - Tirani:
Waheeda sangat menyayangi suaminya sehingga dia menghadapi tekanan perasaan selepas ditinggalkan oleh Zahid. Waheeda juga sangat menyayangi anaknya Izati dan sentiasa memastikan Izati menerima pendidikan yang terbaik.
- vii. Masyarakat yang taat kepada ibu bapa
- Leftenan Adnan Wira Bangsa:
Adnan taat akan ibu bapanya apabila akur dengan permintaan mereka untuk berkahwin dengan Sofia..
 - Tirani:
Waheeda taat dengan larangan bapanya yang tidak membenarkannya melakukan pembedahan plastik di wajahnya kerana melanggar ajaran agama.
- viii. Masyarakat yang prihatin terhadap kesusahan orang lain
- Leftenan Adnan Wira Bangsa:
Orang-orang kampung Sungai Ramal Dalam prihatin dengan kesusahan keluarga Pak Saidi yang diburu oleh askar Jepun bagi tujuan untuk dibunuh. Mereka bertindak menyembunyikan Sofia dan anak-anaknya daripada tentera Jepun.
 - Tirani:
Puan Raidah prihatin terhadap keselamatan anaknya Waheeda yang keseorangan di Singapura untuk menjalani pembedahan wajah. Beliau telah pergi ke Singapura untuk menemani anaknya itu.

***Latar masyarakat lain yang bersesuaian boleh diterima dengan peristiwa yang betul bagi kedua-dua novel.**